

Lebih ramai pembantu rumah Kemboja ke Malaysia
Free Malaysia Today
Jun 3, 2016

Kemboja menyatakan minat supaya dibenarkan lebih ramai warga Kemboja bekerja di negara ini.

PUTRAJAYA: Malaysia bersetuju untuk membenarkan lebih ramai warga Kemboja bekerja di negara ini terutama sebagai pembantu rumah.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata tetamu negara, Perdana Menteri Kemboja Hun Sen menyatakan minat untuk menghantar lebih ramai pekerja Kemboja ke Malaysia semasa mereka mengadakan perbincangan dua hala di sini hari ini.

“Kemboja menyatakan minat kepada Malaysia supaya dibenarkan lebih ramai warga Kemboja bekerja di negara ini. Kita menerima tawaran itu terutama bagi bidang pembantu rumah,” katanya pada sidang media bersama dengan Hun Sen di Perdana Putra selepas pertemuan itu.

Hun Sen, yang tiba di Malaysia pada Rabu, sedang dalam rangka lawatan rasmi empat hari di Malaysia dan akan turut menghadiri Forum Ekonomi Dunia mengenai ASEAN.

Pada Disember tahun lepas, Malaysia dan Kemboja menandatangani memorandum persefahaman (MoU) untuk menyambung penghantaran pembantu rumah ke Malaysia bagi pengambiln pertengahan 2016.

Najib berkata Malaysia dan Kemboja juga bersetuju untuk menyegerakan perjanjian mengenai usaha membanteras perdagangan manusia dan cukai berganda.

Menuru kenyataan bersama yang dikeluarkan sempena mesyuarat Malaysia-Kemboja itu, Kementerian Hal ehwal Wanita Kemboja dan Kementerian Dalam Negeri Malaysia ditugaskan untuk menyegerakan perundingan bagi penandatanganan perjanjian berhubung perdagangan manusia.

Menyentuh mengenai perdagangan, Najib berkata Kemboja juga berminat untuk meningkatkan tahap dagangan yang tidak berubah dalam tahun-tahun kebelakangan ini.

“Kita mahu meningkatkan skop dagangan dan bersetuju untuk membantu suruhanjaya bersama di kedua-dua negara. Suruhanjaya itu akan mengadakan mesyuarat tidak lama lagi bagi membincangkan bidang kepentingan bersama,” katanya.

Sambil memuji layanan kerajaan Kemboja terhadap pelabur Malaysia, Najib berkata jumlah keseluruhan pelaburan syarikat Malaysia dalam pasaran Kemboja, ialah sebanyak AS\$4.3 bilion.

Katanya, ini merupakan penunjuk pelaburan syarikat Malaysia di Kemboja kemungkinan besar akan meningkat.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/06/03/lebih-ramai-pembantu-rumah-kemboja-ke-malaysia/>